

06 JUL 1996

PM Pengerusi Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, bermula 10 pagi ini.

Selain Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, mesyuarat itu turut dihadiri kesemua anggota MT, kecuali Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, tidak hadir kerana berada di luar negara.

Mesyuarat itu, antara lain, menyemak senarai nama 208 anggota yang menawarkan diri untuk bertanding pelbagai jawatan pada pemilihan parti Oktober ini.

Senarai muktamad calon yang layak bertanding akan dihantar kesemua bahagian- bahagian Umno bagi membolehkan pencalonan dibuat apabila persidangan perwakilan bahagian bermula 12 Julai ini.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan kali ini selaras dengan keputusan Perhimpunan Agung Umno tahun lepas. -- Bernama.

NJ OBA